

MAHATHIR - DIALOG
(I)

1982

KUALA LUMPUR, 5 APRIL (BERNAMA) -- MALAYSIA MUNGKIN MENIMBANG MENGHANTAR BEBERAPA ORANG PEKERJA KE JEPUN DAN KOREA SELATAN UNTUK MEMERHATI DAN BEKERJA DENGAN PARA PEKERJA DI SANA BAGI MENDAPATKAN PENGETAHUAN SECARA LEBIH DEKAT LAGI TENTANG PEKERJAAN TERTENTU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA KEMUNGKINAN INI DAPAT DIKAJI JIKA KESATUAN-KESATUAN SEKERJA BERSETUJU BAHAWA BILANGAN TERHAD SAHAJA DAPAT DIHANTAR KE SAN.

PERDANA MENTERI BERKATA DEMIKIAN KETIKA MENJAWAB SOALAN YANG DITIMBULKAN DALAM DIALOG DENGAN PARA PEMIMPIN KESATUAN SEKERJA, PENGURUS SEKTOR SWASTA DAN PEGAWAI KANAN KERAJAAN SELEPAS MERASMIKAN KEMPEN DAYA PENGELUARAN NEGARA DI SINI HARI INI.

BELIAU BERSETUJU DENGAN CADANGAN PRESIDEN MTUC ENCIK P.P. NARAYANAN BAHAWA MALAYSIA BUKAN SAHAJA HARUS MENGHANTAR KAKITANGAN PENGURUSAN TETAPI JUGA PARA PEKERJA UNTUK LAWATAN SEUMPAMA ITU.

MENGENAI CADANGAN ENCIK NARAYANAN BAHAWA KERAJAAN HARUS MENYEMAK UMUR PESARAAN YANG DIWAJIBKAN 55 TAHUN, PERDANA MENTERI BERKATA INI TIDAK DAPAT DILAKUKAN KERANA TIDAK AKAN MENGUNTINGKAN NEGARA. -- BERSAMBUNG 1910/MK

B671
MAHATHIR - DIALOG 2 KUALA LUMPUR

BELIAU BERPENDAPAT KIRANYA PESARA-PESARA ITU MASIH SIHAT DAN BERKEBOLEHAN MEREKA AKAN DAPAT MENCARI PEKERJAAN DAN DENGAN ITU TERUS BERKHIDMAT KEPADA NEGARA.

KEPADA SATU SOALAN LAIN, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KEMPEN DAYA PENGELUARAN YANG DILANCARKAN OLEH KERAJAAN ITU AKAN MEMBERI PERHATIAN SEIMBANG KEPADA RAKYAT UNTUK BEKERJASAMA DALAM KEMPEN TERSEBUT.

+USAHA-USAHA KAMI TENTU AKAN BERJAYA JIKA RAKYAT MEMBERI KERJASAMA SEPENUHNYA,+ KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYATAKAN KERAJAAN PASTI AKAN MENGGUNAKAN DAYA PENGELUARAN SEBAGAI ALAT YANG PENTING DALAM MENCAPAI PERPADUAN NEGARA.

BELIAU BERHARAP SEMUA GOLONGAN AKAN MEMAHAMI PENTINGNYA DAYA PENGELUARAN DAN KESAN-KESANNYA KE ATAS PEMBANGUNAN NEGARA. -- BERNAMA 1913/MK